



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
BILANGAN 5 TAHUN 2022**

**SEMUA PEMEGANG LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN
NEGERI SABAH & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

KEMASKINI DASAR PENGELUARAN LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pemegang kelas lesen kenderaan perdagangan berhubung dasar pengeluaran lesen kenderaan perdagangan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga bilangan 3 tahun 2022. Syarat-syarat ini telah dikemaskini bagi memastikan industri kenderaan perdagangan berdaya saing.

2.0 KELAS LESEN BERKAITAN

2.1 Lesen Pembawa A (LA)

Syarat	Syarikat Sdn. Bhd.	<i>Enterprise</i>	Individu
Had milikan lesen	Tertakluk kepada modal berbayar	10 Unit	2 Unit
	RM100 ribu : sehingga 100 unit	~TB~	
	RM250 ribu : sehingga 250 unit	~TB~	
	RM500 ribu : sehingga 500 unit	~TB~	
Modal bagi setiap unit kenderaan dipohon	RM20 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan		
Kontrak pengangkutan	wajib	Wajib (dikecualikan bagi 2 lesen pertama)	~TB~

PEKELILING LPKP SABAH BILANGAN 5 TAHUN 2022

2.2 Bas Ekspres (BE)

Syarat	Syarikat Sdn. Bhd.	Enterprise	Individu
Had milikan lesen	Tiada had	Tidak ditawarkan	
Modal berbayar	RM250 ribu		
Modal bagi setiap unit kenderaan dipohon	RM50 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan		

2.3 Bas Carter (BC)

Syarat	Syarikat Sdn. Bhd.	Enterprise	Individu
Had milikan lesen	Tiada had	Tidak ditawarkan	
Modal berbayar	RM100 ribu		
Modal bagi setiap unit kenderaan dipohon	RM50 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan		
Kontrak pengangkutan	wajib		

2.4 Bas Berhenti-henti (BB)

Syarat	Syarikat Sdn. Bhd.	Enterprise	Individu
Had milikan lesen	Tiada had	Tiada had	Tidak ditawarkan
Modal berbayar	RM100 ribu	~TB~	
Modal bagi setiap unit kenderaan dipohon	RM20 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan	RM40 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan	
Pengambilan kuota	Dilarang sama sekali		~TB~

2.5 Bas Mini (BM)

Syarat	Syarikat Sdn. Bhd.	Enterprise	Individu
Had milikan lesen	Tiada had	10	1
Modal berbayar	RM50 ribu	~TB~	~TB~
Modal bagi setiap unit kenderaan dipohon	RM10 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan	RM20 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan	
Pengambilan kuota	Dilarang sama sekali		

PEKELILING LPKP SABAH BILANGAN 5 TAHUN 2022

2.6 Kereta Sewa (TS)

Syarat	Syarikat Sdn. Bhd.	<i>Enterprise</i>	Individu
Had milikan lesen	Tiada had	10	1
Modal berbayar	RM100 ribu	~TB~	~TB~
Modal bagi setiap unit kenderaan dipohon	RM20 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan		

2.7 Kereta Sewa Pandu (TP)

Syarat	Syarikat Sdn. Bhd.	<i>Enterprise</i>	Individu
Had milikan lesen	Tiada had	10	Tidak ditawarkan
Modal berbayar	RM100 ribu	~TB~	
Modal bagi setiap unit kenderaan dipohon	RM20 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan	RM30 ribu/ unit atau telah memiliki kenderaan	
Syarat khas	Bukan disewakan bagi tujuan pelancongan		

2.8 Ubah syarat lesen: perubahan rakan kongsi/milikan

Sekiranya suatu kelulusan perubahan rakan kongsi/milikan samada penambahan atau pengurangan rakan kongsi/milikan, permohonan perubahan syarat lesen yang sama hanya akan dipertimbangkan selepas tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan terakhir. Ketetapan ini hanya terpakai bagi kelas lesen **Bas Berhenti-henti milikan *enterprise*** yang bertujuan untuk mengekang penularan pajakan lesen mahupun jual beli lesen.

PEKELILING LPKP SABAH BILANGAN 5 TAHUN 2022

3.0 PEMAKAIAN

- 3.1 Bagi permohonan baharu lesen, syarat-syarat tersebut di atas terpakai sepenuhnya.
- 3.2 Bagi pemegang lesen sedia ada, syarat-syarat di atas terpakai semasa permohonan pembaharuan lesen atau permohonan semula lesen.
- 3.3 Syarat-syarat dalam pekeling ini membatalkan syarat-syarat berkaitan secara langsung terdahulu tanpa menjejaskan syarat-syarat sedia ada yang lain.

4.0 PUNCA KUASA

Keputusan Mesyuarat Lembaga bilangan 3 tahun 2022 untuk mengemaskini dasar pengeluaran lesen kenderaan perdagangan adalah selaras dengan Seksyen 15, Seksyen 19, Seksyen 20A, dan Seksyen 22 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

5.0 TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan Pekeling ini **berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022.**

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(NORSIAH BINTI PATAH)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

8 APRIL 2022

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengangkutan
Setiausaha Bahagian Darat, Kementerian Pengangkutan